Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة وستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

OGOS

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

VISI, MISI, MOTO, FALSAFAH & OBJEKTIF

VISI

Universiti unggul pemacu Bumiputera Profesional

MISI

Melonjak keilmuan, adab dan kepakaran bumiputera agar berjiwa usahawan melalui kurikulum termaju, pembangunan bakat, penyelidikan berimpak, dan sinergi industri ke arah kemakmuran tanah air serta kesejahteraan sejagat

MOTO

Usaha, Takwa, Mulia

FALSAFAH

Kita percaya Allah SWT menganugerahi manusia dengan bakat, minat dan kecenderungan yang sekiranya diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui penjanaan, pemindahan dan pengintegrasian ilmu secara terbuka serta penerapan nilai-nilai Islam, mereka berkemampuan menjuarai transformasi diri, masyarakat dan negara

OBJEKTIF

1. **Memperluas akses pendidikan tinggi**
2. **Menyediakan pendidikan terkehadapan bertaraf dunia**
3. **Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah untuk kemajuan negara dan kemakmuran global**
4. **Menggilap kepimpinan graduan holistik, serba boleh dan berciri keusahawanan yang kompetitif sehingga ke peringkat global**
5. **Memperkasa penghayatan falsafah dan nilai warga UiTM melalui program pengukuhan insan dan suri teladan**
6. **Mengungguli kesarjanaan ilmu terkehadapan melalui penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan berimpak tinggi serta lestari**
7. **Melebar luas jaringan melalui sinergi bersama alumni, industri, akademia, komuniti dan kerajaan untuk memperkasakan bidang tumpuan strategik universiti**
8. **Menjuarai kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien selari dengan agenda kelestarian global**
9. **Menyediakan infrastruktur kondusif dan ekosistem digital terkehadapan**
10. **Menjana pendapatan, mengurus sumber dan kewangan dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif bagi kelestarian organisasi**

Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-208, bertarikh 23 September 2025

(YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc)
13 November 2025 | 1447 جمادي الأول 22

Lestari Ilmu, Berjiwa Rakyat

ALUAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum .

Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu komited dalam menyediakan pelbagai medium bacaan bagi sebarang aktiviti pembudayaan ilmu buat semua pengguna. Melalui revolusi teknologi semasa, penerimaan terhadap bahan bacaan juga harus sejajar dengan minat dan kecenderungan generasi masa kini tidak hanya memfokuskan kepada bahan bacaan bercetak bahkan turut memperkembangkan dan memperluaskan penyediaan terhadap bahan bacaan secara digital.

Semoga edisi Buletin IQRA Perpustakan Cendekiawan kali ini bermanfaat buat semua.

Terima kasih.

PUAN SHAHIDATUL AKHMAM BT RAMBELI

BULETIN IQRA
Perpustakaan Cendekiawan

SIDANG REDAKSI



Penasihat : Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli


Grafik & Isi Kandungan:
- Cik Asmahani Abdullah
- En. Mohd Shahnizam Mat Zain
- Cik Nurmaisari Che Anuar
- En. Ahmad Fathi Azhari

Terbitan:
Perpustakaan Cendekiawan
UiTM Cawangan Terengganu,
23000 Dungun,
Terengganu.
No. Tel: 098400188/190

Hakcipta Terpelihara ©2026
eISSN: 2735-1920


Sebarang pertanyaan/komen/aduan boleh hubungi:
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN TERENGGANU
JALAN SURA HUJUNG
23000 DUNGUN
TERENGGANU

NO. TEL: 098400 190
EMEL: korporatpuitmct@uitm.edu.my
eISSN: 2773-6407



Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu menjadikan koleksi penerbitan Buletin Iqra sebagai sebuah penerbitan yang mengumpulkan kesemua aktiviti, buletin, dan peristiwa yang telah berlangsung sepanjang tahun demi memastikan khazanah maklumat Perpustakaan Cendekiawan ini kekal terpelihara. Penerbitan ini berfungsi sebagai bahan arkib perpustakaan yang mendokumentasikan pelbagai program ilmiah, bengkel literasi maklumat, serta pencapaian warga kampus, sekaligus menjadikannya sumber rujukan utama bagi melihat kembali jejak langkah dan perkembangan perpustakaan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, inisiatif pengumpulan ini juga mencerminkan komitmen Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT dalam menyuburkan budaya ilmu selaras dengan semangat "Iqra". Dengan adanya koleksi yang tersusun rapi ini, ia memudahkan para penyelidik, staf, dan pelajar untuk mengakses informasi lampau serta memahami evolusi perkhidmatan yang ditawarkan. Usaha ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi peranan perpustakaan bukan sekadar tempat penyimpanan buku, tetapi sebagai hab penyebaran maklumat yang dinamik dan relevan kepada seluruh komuniti UiTM Cawangan Terengganu.



Jambatan Angkat

Kuala Terengganu

Kredit: Unplash.com

KUNJUNGAN HORMAT
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KE DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA WILAYAH TIMUR

13 Ogos 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Delegasi Perpustakaan Cendekiawan bergambar kenangan bersama Dewan Bahasa & Pustaka

DUNGUN, 13 Ogos – Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu telah mengadakan Kunjungan Hormat ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Wilayah Timur pada 13 Ogos 2026 bertempat di Bilik Mesyuarat DBP Wilayah Timur. Delegasi yang diketuai oleh Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Ketua Perpustakaan Cawangan, telah disambut mesra oleh Encik Wan Mohd Helmy Wan Hussin, Ketua Unit Pusat Dokumentasi Melayu Tengku Anis. Sesi kunjungan ini turut disusuli dengan pertemuan bersama Puan Ariza binti Che Ismail, Pengarah DBP Wilayah Timur, serta Puan Nur Anis Salwani Awang Mohammad, Timbalan Pengarah Unit Penerbitan dan Pemasaran DBP Wilayah Timur.





Sesi perbincangan dua hala bersama kakitangan yang terlibat

Pertemuan ini menjadi platform strategik untuk memperkukuh kerjasama kedua-dua pihak, khususnya dalam aspek pemartabatan bahasa Melayu, pengembangan budaya ilmu, perkongsian sumber maklumat, serta penganjuran program berkaitan penerbitan dan literasi. Selain bertukar pandangan, kolaborasi ini diharap dapat memberi manfaat berpanjangan kepada warga UiTM Cawangan Terengganu dan komuniti setempat. Pihak Perpustakaan Cendekiawan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada DBP Wilayah Timur atas sambutan mesra serta kesudian menerima kunjungan ini demi memperkasakan ekosistem ilmu bersama.

SCAN ME

LAWATAN KE PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN - SMK TENGKU AMPUAN INTAN SEMPENA PROGRAM MENYUSURI MENARA GADING

13 Ogos 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran

DUNGUN, 13 Ogos – Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu telah menerima kunjungan seramai 40 orang pelajar dan 4 orang guru pengiring dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Ampuan Intan sempena Program Menyusuri Menara Gading pada 13 Ogos 2026. Menerusi lawatan ini, para pelajar telah diberi pendedahan mengenai peranan perpustakaan sebagai pusat sumber ilmu, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, capaian koleksi menerusi sistem PERMATA, serta ruang pembelajaran kondusif yang terdapat di kampus.



Sedikit penerangan dari staf Perpustakaan Cendekiawan



Sebahagian dari pelajar SMK Tengku Ampuan Intan yang membuat lawatan di sekitar Perpustakaan Cendekiawan

Selain perpustakaan, program ini turut merangkumi lawatan ke pelbagai fasiliti akademik seperti fakulti dan makmal bagi memberikan pengalaman serta gambaran sebenar kehidupan sebagai mahasiswa. Pendedahan menyeluruh ini diharapkan dapat menyuntik motivasi dan aspirasi kepada para pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, khususnya di UiTM. Pihak Perpustakaan Cendekiawan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak SMK Tengku Ampuan Intan atas kunjungan dan kepercayaan yang diberikan.

SCAN ME

BENGKEL :
KANDUNGAN DIGITAL REPOSITORI JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA TERENGGANU


19 Ogos 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Bergambar bersama-sama kakitangan JKKNT

DUNGUN, 19 Ogos – Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu telah diundang oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Terengganu (JKKNT) bagi mengendalikan Bengkel Kandungan Digital Repositori pada 19 Ogos 2026 bertempat di Pusat Sumber Seni Budaya JKKNT. Sesi bimbingan bengkel ini telah disampaikan oleh tiga orang wakil perpustakaan iaitu Puan Shahidatul Akhmam Rambeli (Ketua Perpustakaan Cawangan), Encik Md Kamil Ibrahim (Pustakawan Kanan), dan Encik Hamyasha Yusof (Pembantu Pustakawan Kanan).





Gambar sekitar sesi bimbingan bengkel berlangsung

Bengkel yang berlangsung dari jam 10.00 pagi hingga 4.30 petang ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran para peserta dalam pengurusan dan pendigitalan koleksi seni dan budaya JKKNT. Penganjuran program ini bukan sahaja membuka ruang perkongsian kepakaran, malah turut memperkukuh kerjasama strategik antara UiTM Cawangan Terengganu dan JKKNT dalam usaha memelihara, memartabatkan, serta memulihara khazanah warisan seni dan budaya Negeri Terengganu secara digital.

SCAN ME


LAWATAN PUSTAKAWAN TVET MARA
@ PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN

19 Ogos 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran

DUNGUN, 20 Ogos – Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun telah menerima kunjungan daripada barisan pustakawan TVET MARA pada 20 Ogos 2026. Kunjungan yang berlangsung pada jam 12.00 tengah hari ini melibatkan para pustakawan yang juga merupakan Alumni UiTM dari cawangan TVET MARA Kemaman, Kuantan, Seri Iskandar dan Kulim.



Bergambar bersama barisan pustakawan TVET


Sesi mengisi kehadiran Library Visitor

Lawatan ini menjadi platform istimewa buat para alumni untuk kembali mengeratkan hubungan silaturahim bersama warga perpustakaan. Sesi kunjungan diserikan dengan perkongsian pengalaman dan perkembangan kerjaya alumni dalam bidang kepustakawanan, di samping bertukar pandangan berhubung pengurusan dan perkhidmatan perpustakaan terkini.


Sedikit penerangan berkaitan Perpustakaan Cendekiawan

Kehadiran barisan alumni ini mencerminkan kepentingan jaringan profesional dalam memperkasakan profesion kepustakawanan. Diharapkan jalinan mesra ini dapat membuka ruang kepada penerokaan kerjasama strategik antara UiTM dan TVET MARA pada masa akan datang demi kemajuan ekosistem ilmu bersama.

SCAN ME

BICARA SANTAI:
BENTENG KELUARGA: PERANAN IBU BAPA DALAM PENCEGAHAN DAN INTERVENSI BULI

30 Julai 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar



Warga staf yang menyokong Ptogram Bicara Santai

KUALA TERENGGANU, 30 Julai – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan Bicara Santai mengenai Benteng Keluarga: Peranan Ibu Bapa Dalam Pencegahan dan Intervensi Buli. Program bermula pada 10.00 pagi sehingga 11.00 pagi secara bersemuka di Perpustakaan Cendekiawan dan secara atas talian di YouTube Perpustakaan Cendekiawan.

Wacana ini dikendalikan oleh Dr. Rabiatul Adawiyah Mohd Ariffin, Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa dan Undang-Undang UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun.

Perkongsian ini menerangkan peranan keluarga merupakan asas yang kukuh dalam usaha mencegah dan menangani gejala buli. Melalui komunikasi yang berkesan, pendidikan nilai murni, pemantauan yang sesuai, serta kerjasama erat dengan pihak sekolah dan masyarakat, ibu bapa dapat melindungi anak daripada kesan negatif buli. Ia juga memberi penekanan bahawa institusi keluarga merupakan benteng utama dalam membentuk sahsiah, nilai murni dan kesejahteraan emosi anak-anak. Peranan ibu bapa sebagai pendidik, pembimbing dan pendengar yang prihatin amat penting dalam mengesan tanda-tanda awal buli, memberikan sokongan emosi serta menerapkan nilai hormat, empati dan tanggungjawab sejak kecil.



Sepanjang program berlangsung

SCAN ME

PROGRAM SPEED READING MASTERY @ SMK KUALA JENGAL

6 Ogos 2026
Oleh: Norairin Natasya Zulkifli



Sesi bergambar bersama guru dan pelajar- pelajar SMK Kuala Jengal

BUKIT BESI, 6 Ogos– Unit Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi telah berjaya melaksanakan Program Speed Reading Mastery bersama warga SMK Kuala Jengal.

Program ini bertujuan memperkenalkan teknik bacaan pantas yang berkesan dalam membantu para pelajar meningkatkan kelajuan membaca, kefahaman serta keupayaan mengenal pasti maklumat penting dalam bahan bacaan.

Secara keseluruhannya, lawatan kerja ini telah mencapai tujuan yang ditetapkan dan langkah persediaan penting bagi memastikan pelaksanaan berjalan lancar. Kerjasama ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada warga sekolah melalui pengukuhan budaya membaca, peningkatan minat terhadap STEM serta pendedahan kepada pembelajaran yang lebih kreatif dan berasaskan pengalaman.



Sepanjang program berlangsung

SCAN ME

MAJLIS PERPISAHAN PELAJAR LATIHAN INUSTRI UNIT PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN

12 Ogos 2026
Oleh: Norairin Natasya Zulkifli



Sesi bergambar staf bersama dengan pelajar latihan industri, Saudari Ain Faatihah

BUKIT BESI, 12 Ogos– Pihak perpustakaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Cik Nur Ain Faatihah Binti Mohd Anuar atas segala sumbangan, komitmen dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang menjalani latihan industri di perpustakaan kami. Beliau yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan, UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani telah menjalani latihan industri bermula 1 Mac 2026 hingga 13 Ogos 2026.

Sepanjang tempoh latihan, kehadiran dan kesungguhan beliau telah memberikan nilai tambah serta membantu dalam pelbagai aktiviti dan urusan di Perpustakaan Cendekiawan Kampus Bukit Besi.

Terima kasih atas segala jasa dan kenangan yang telah ditinggalkan.



Sepanjang program berlangsung

SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI